

Siri 21 07042020
Tarbiyah Pengasas

MEMAHAMI UJIAN

Muhammad Syukri Salleh

UJIAN ADALAH SUNNATULLAH

Ujian adalah

1. **Syarat beriman** - Tidak dikira beriman jika tidak diuji - Al-'Ankabuut 29:2
2. **Syarat masuk syurga** - Tidak akan masuk syurga jika belum diuji seperti orang-orang dahulu - Al-Baqarah 2:214)

NAS UJIAN SUNNATULLAH

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "**Kami beriman**", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Al-'Ankabuut 29:2

Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan **masuk syurga**, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?" Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah). Al-Baqarah 2:214)


JENIS UJIAN

1. Ujian nikmat

Ujian nikmat ilmu, kuasa dan kekayaan kepada **Nabi Sulaiman**

Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah: "Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata!" Setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, berkatalah ia: "**Ini ialah dari limpah kurnia Tuhan**ku, untuk mengujiku adakah aku **bersyukur** atau aku tidak **mengenangkan nikmat** pemberianNya. Dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Tuhan Maha Kaya, lagi Maha Pemurah". (An-Naml 27:40)

2. Ujian Derita ✓




Nikmat adalah ujian

"...Ini termasuk karunia Rabbku
untuk mencoba aku apakah
aku bersyukur atau mengingkar
(akan nikmat-Nya)..."
(QS. An-Naml: 40)

Al-Hikmah

www.facebook.com/alhikmahjkt | @alhikmahjkt

BENTUK-BENTUK UJIAN DERITA

1. Kepapaan (kemusnahan harta benda)
 2. **Serangan penyakit**
 3. Digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh)
 4. Perasaan takut (kepada musuh)
 5. Kelaparan
 6. Kekurangan harta benda
 7. Kekurangan jiwa
 8. Kekurangan hasil tanaman
- 
- Al-Baqarah 2:214
- Al-Baqarah 2:155

NAS BENTUK-BENTUK UJIAN DERITA

Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu?

Mereka telah ditimpa **kepapaan (kemusnahan harta benda)** dan **serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh)**, sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: **Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?"** Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah). Al-Baqarah 2:214)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan **takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman.** Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."

Surah al-Baqarah, ayat 155

CONTOH-CONTOH UJIAN DERITA

Nabi Nuh

1. Berdakwah 950 tahun, 80 orang sahaja yang ikut
2. Diejek
3. Dianggap gila

Nabi Ibrahim

1. Dibakar Namrud
2. Lambat dapat zuriat
3. Diarah meninggalkan isteri (Siti Sarah) dan anak (Nabi Ismail) di padang pasir (Mekah)
4. Di arah sembelih anak (Nabi Ismail)

CONTOH-CONTOH UJIAN DERITA

Nabi Daud

1. Diuji dengan wanita – Mengahwini isteri tenteranya (isteri bernama Sabiq binti Syair; tentera bernama Uria bin Hannan)

Nabi Yunus

1. **Dakwah** kepada kaum Ninawa tidak menjadi (tetapi selepas peninggalan Nabi Yunus dan ada tanda ujian Allah datang, mereka bertaubat dan beriman)
2. **Berputus asa dan marah**
3. **Ditelan ikan nun**

CONTOH-CONTOH UJIAN DERITA

Nabi Ayub –Ujian bertimpa-timpa

1. **Ditarik kekayaan** (harta, rumah, haiwan) musnah dan hilang
→ miskin dalam sekelip mata.
2. **Ditarik zuriatnya**. Anaknya ramai, tetapi dimatikan satu demi satu di depan matanya.
3. **Ditarik kesihatan** (penyakit kulit, hanya lidahnya saja yang boleh digerakkan) sehingga orang ramai menjauhi dirinya.
4. Ditarik sumber **pendapatan** - Isterinya cari kerja tetapi tidak diterima, takut berjangkit. Akhirnya cukur rambutnya dan jual sedikit demi sedikit sehingga botak kepalanya, untuk membeli makanan.

BAGAIMANA MENGURUS UJIAN

Nabi Nuh

1. Sabar
2. Tidak berputus asa
3. Patuh kepada Allah SWT

Nabi Yunus

1. Membesarkan Allah SWT
2. Bertaubat

BAGAIMANA MENGURUS UJIAN

Nabi Daud

1. **Bertaubat**, setelah Allah SWT mengirimkan dua Malaikat untuk menyedarkan Baginda atas kesalahan Baginda.

Nabi Ibrahim

1. Taat kepada perintah Allah SWT
2. Sabar dan pasrah

BAGAIMANA MENGURUS UJIAN

Nabi Ayub

1. Bila **anak-anak meninggal** – Sebut *Innalillah wa inna ilaihi raajiuun*;
2. Bila **organ-organnya rosak**, mohon kepada Allah agar jangan ambil balik lidahnya agar boleh terus berzikir, jangan ambil hatinya agar boleh terus mengingat Allah;
3. Bila tidak tahan sangat, cuma **memberitahu Allah** Baginda sedang sakit dan **memuji Allah** dengan berkata Allah Maha Mengasihini. Malu untuk mohon Allah sembuhkan kerana sudah 80 tahun memberi kesihatan, sakit hanya baru 10 tahun.

BERITA GEMBIRA

1. Allah SWT uji mengikut tahap keimanan

Daripada Mush'ab bin Sa'd daripada ayahnya Sa'd bin Abu Waqash, beliau berkata, saya bertanya: "Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling hebat cubaan?" Nabi menjawab: "Para nabi, kemudian mereka yang selanjutnya (iaitu lebih utama) dan selanjutnya. Seorang hamba akan diuji sesuai kadar agamanya (keimanannya). **Jika keimanannya kuat, maka cubaan pun akan semakin berat. Jika keimanannya lemah, maka ia akan diuji sesuai dengan kadar imannya.** Tidaklah cubaan ini akan diangkat daripada seorang hamba hingga Allah membiarkan mereka berjalan di muka bumi dengan tanpa dosa." (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

BERITA GEMBIRA

2. Allah SWT uji mengikut keupayaan

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami ! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir" (Al-Baqarah 2:286)

BERITA IKTIBAR

1. Musibah diturunkan apabila maksiat berleluasa

Sabda Nabi SAW: “Tidaklah muncul **perbuatan keji (zina)** pada suatu kaum yang melakukannya secara terang-terangan kecuali Allah akan menimpakan kepada mereka **(wabak) Ta'un dan pelbagai penyakit** yang belum pernah menimpa kepada orang-orang sebelum mereka” [riwayat Ibn Majah].

Sabda Nabi SAW: “Jika sudah muncul (berleluasa) **anak luar nikah, (amalan) riba** pada suatu perkampungan (tempat), melainkan mereka telah menghalalkan ke atas diri mereka sendiri **azab Allah**” [riwayat al-Hakim].

BERITA IKTIBAR

2. Musibah diratakan

Sebelum zaman Rasulullah SAW, Allah SWT hanya hukum mereka yang tidak beriman. Yang beriman diselamatkan eg **Kaum Nabi Nuh, kaum Nabi Lut, kaum Nabi Musa**. Zaman Rasulullah SAW dan selepasnya, hukuman diratakan, tidak kira beriman atau tidak. Misalnya **Abu Ubaidah Ibnu Jarrah, Syurahbil Bin Hasanah** dan beberapa sahabat yang lain meninggal dunia ketika wabak taun di Syam.

Sabda Nabi SAW: “Jika **telah terzahir maksiat** pada umatku, maka **Allah akan meratakan siksa-Nya kepada mereka**”. Lalu Baginda ditanya: “Walaupun ketika itu di antara mereka terdapat orang-orang yang soleh?”. Nabi SAW menjawab: “Ya, azab akan menimpa mereka (orang-orang soleh) seperti yang ditimpakan kepada mereka (kaum yang melakukan maksiat), kemudian **Allah memberi keampunan dan keredhaan kepada mereka**” [riwayat Ahmad].

BERITA IKTIBAR

3. Musibah diratakan kerana masyarakat tidak mencegah maksiat

Daripada Ubaidullah bin Jarir dari bapanya bahawa Nabi SAW bersabda: "Tidak ada suatu kaum dimana terdapat di kalangan mereka **orang yang melakukam maksiat**, sedangkan mereka lebih mulia dan memiliki bilangan yang lebih ramai jumlahnya daripada orang yang melakukannya, namun **mereka tidak mengubah perilaku kejahatan itu**, maka Allah akan meratakan siksanya kepada mereka."*_ (Musnad Ahmad No: 18433) Status: Hadis Hasan

Dari Jarir ia berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Tidak ada **seorang lelaki yang melakukam maksiat** di kalangan suatu kaum, sedang **mereka mampu mengubah maksiat tersebut lalu tidak melakukannya**, maka Allah akan menimpakan siksa kepada mereka sebelum mereka meninggal dunia." (HR Abu Daud No: 3776) Status: Hadis Hassan

BERDEPAN DENGAN UJIAN DERITA

Pemikiran biasa

1. Global – Alam sekitar, kuasa dunia
2. Negara – Turun Jenayah, accidents
3. Keluarga – Lebih rapat, muncul bakat
4. Diri sendiri – Belajar benda baru, etc



Pemikiran Islam

1. **Musibah** jika semakin jauh daripada Allah SWT
2. **Rahmah** jika semakin dekat dengan Allah SWT


PEGANGAN ORANG BERIMAN

1. Ujian ditimpa dengan **izin Allah SWT**
2. Allah SWT **pimpin hati** orang yang beriman kepada **tenang dan sabar**

“Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan **dengan izin Allah**; dan sesiapa yang **beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya** (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan **tenang dan sabar**); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” Surah at-Taghabun 64:11

3 AMALAN ASAS

1. Mengakui kebesaran Allah SWT – *Bismillah hi lazi ...*
3 x setiap selepas solat fardhu
2. Bertaubat – *Laa illaha illah anta subhanaka inni kuntum mina zzalim* 40 x selepas setiap solat fardhu
3. Salawat – Dapat kesejahteraan daripada Allah SWT, dapat doa daripada Malaikat dan Rasulullah SAW – 20 x selepas setiap solat fardhu



Terima kasih